

**PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN  
ANTARA SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH  
DI WILAYAH UTARA SARAWAK  
2019**



**Anjuran**

Pustaka Negeri Sarawak, Miri  
Jalan Kipas, Miri City Fan, 98000 Miri, Sarawak  
Tel: 085-422525 Faks: 085-414444

## OBJEKTIF PROGRAM

Program ini bertujuan untuk ;

- Mendedahkan para peserta dalam penggunaan sumber maklumat bercetak dan tidak bercetak mengenai bahan-bahan tempatan, sejarah kaum, tradisi, budaya, sosio-ekonomi, norma hidup sesuatu kaum dan sebagainya dengan secara terperinci di negeri Sarawak.
- Membimbing para peserta dalam pencarian maklumat melalui sumber yang sahih, merancang, mengumpul, menganalisis, mentafsir, mensintesis, merumus dan merekod maklumat yang diperolehi untuk membentuk hasil kajian yang lengkap dan komprehensif.
- Melahirkan pelajar yang celik maklumat serta mampu mengadaptasi kemahiran dan pengalaman dalam bidang penulisan penyelidikan untuk persediaan ke peringkat yang lebih tinggi.

## TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

### 1. PENYERTAAN

- 1.1 Pertandingan Warisan Budaya Tempatan untuk tahun 2019 dibuka kepada sekolah-sekolah menengah di wilayah utara Sarawak iaitu bahagian Miri, Baram, Bintulu, Lawas dan Limbang. Surat jemputan penyertaan ke sekolah-sekolah akan dikeluarkan oleh pihak Pustaka Negeri Sarawak, Miri pada bulan Januari 2019.
- 1.2 Borang penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada pihak penganjur (Pustaka Negeri Sarawak, Miri) sebelum atau pada **Jumaat, 15 Februari 2019**. Penyertaan adalah percuma.

- 1.3 Setiap sekolah boleh menghantar maksimum **lima (5) kumpulan** sahaja dan pemilihan tajuk adalah bebas (mengikut tema yang diberikan).
- 1.4 Jumlah peserta untuk satu kumpulan adalah minimum **dua (2) orang** dan maksimum **empat (4) orang** sahaja dan setiap kumpulan hendaklah mempunyai guru pembimbing.
- 1.5 Seorang guru pembimbing boleh membimbing lebih daripada satu (1) kumpulan.
- 1.6 Setiap kumpulan dikehendaki untuk hadir ke sesi bengkel dan taklimat pertandingan yang akan dianjurkan oleh pihak penganjur (sila rujuk jadual yang disertakan).
- 1.7 Buku log pelaksanaan kajian (BLPK) kumpulan PWBT akan dibekalkan kepada setiap kumpulan. Buku log tersebut hendaklah dihantar bersama dengan buku laporan hasil kajian dan juga laporan carta perbatuan pada atau sebelum 31 Julai 2019.

## **2. BENGKEL DAN TAKLIMAT PERTANDINGAN ;**

- 2.1 Sekolah yang telah menghantar dan mengesahkan penyertaan dikehendaki untuk mengikuti taklimat dan bengkel secara percuma seperti yang telah dijadualkan.
- 2.2 Bengkel dan taklimat akan diadakan di bahagian Miri, Subis, Baram, Tatau, Bintulu, Lawas dan Limbang mengikut tentatif jadual yang telah disediakan. Perubahan tarikh akan dimaklumkan kepada peserta dari semasa ke semasa.

2.3 Tentatif aturcara bengkel dan taklimat adalah seperti berikut :

<b>HARI PERTAMA</b>	
8:00 pagi	Pendaftaran Peserta
8:30 pagi	Taklimat PWBT
9:00 pagi	Bengkel Kemahiran Literasi Maklumat / PANDei
10:15 pagi	Minum Pagi
10:15 – 11:00 pagi	Sambungan Bengkel Kemahiran Literasi Maklumat & Pandei
11:00 pagi	Bengkel Penulisan Penyelidikan (Research Writing)
12:30 tengah hari	Makan Tengah Hari / REHAT
2:00 petang	Sambungan Bengkel Penulisan Penyelidikan (Research Writing)
3:30 petang	Latihan Penulisan Penyelidikan (Research Writing)
5:00 petang	Minum Petang & Bersurai
<b>HARI KEDUA</b>	
8:00 pagi	Recap
8:30 pagi	Bengkel Rujukan & Bibliografi
10:00 pagi	Minum Pagi
10:15 pagi	Sambungan Bengkel Rujukan & Bibliografi
11:00 pagi	Bengkel Persembahan Slaid (Slide & Presentation)
12:30 tengah hari	Makan Tengah Hari / REHAT
2:00 petang	Latihan Persembahan Slaid
3:30 petang	Bengkel ' <i>Cloud storage</i> ' & Latihan
5:00 petang	Minum Petang & Bersurai
<b>HARI KETIGA</b>	
8:00 pagi	Recap
8:30 pagi	Bengkel Sejarah Lisan
10:00 pagi	Minum Pagi
10:30 pagi	Sambungan Bengkel Sejarah Lisan
11:00 pagi	Dokumentasi Video & Latihan
1:00 petang	Makan Tengah Hari / REHAT
2:00 petang	Bengkel ' <i>Graphic Poster Design</i> '
3:30 petang	Latihan
5:00 petang	Minum Petang & Bersurai

### 3. HASIL KAJIAN PENYELIDIKAN

- 3.1 Setiap kumpulan dikehendaki memilih tajuk kajian penyelidikan yang hendak dipertandingkan berdasarkan tema yang telah diberikan.
- 3.2 Kajian penyelidikan yang dibuat hendaklah dihantar kepada pihak penganjur dalam bentuk buku laporan dan mengikut format yang telah ditetapkan.
- 3.3 Laporan kajian hendaklah ditaip menggunakan komputer dengan fon Times New Roman, saiz 12 dengan langkauan 2.0 baris, tidak kurang daripada 20 muka surat bercetak dan tidak termasuk lampiran. Laporan hendaklah dalam bentuk folio atau *hardcopy*, mengikut format yang disediakan oleh pihak penganjur.
- 3.4 Laporan kajian dalam bentuk *softcopy Microsoft Word (.doc) dan pdf*, gambar yang jelas (*.jpg*), rakaman video (*.mp4 / .wmv*) dan bahan rujukan hendaklah disertakan bersama laporan bercetak dan disimpan dalam *pen drive / CD / DVD*.
- 3.5 Idea atau kreativiti penyelidikan mestilah **ASLI** dan bukan ditiru dari mana-mana bahan ilmiah yang telah diterbitkan. Rujukan menggunakan sumber bercetak dan tidak bercetak adalah dibenarkan.
- 3.6 Laporan kajian yang dihantar hendaklah menggunakan **Bahasa Melayu** sahaja atau **Bahasa Inggeris** sahaja dan telah disemak oleh guru pembimbing.
- 3.7 Para peserta akan diajar mengenai teknik pencarian maklumat, kaedah penulisan kajian, sesi rakaman wawancara dan sesi kemahiran pembentangan dalam bengkel yang akan dianjurkan.
- 3.8 Semua kumpulan mesti menghantar laporan kajian masing-masing selewat-lewatnya pada **Rabu, 31 Julai 2019**.

- 3.9 Laporan kajian hendaklah hasil usaha kumpulan dan tidak diplagiat.
- 3.10 Semua kos perbelanjaan dalam membuat penyelidikan dan penghasilan kajian ditanggung sepenuhnya oleh peserta atau sekolah masing-masing.
- 3.11 Laporan kajian yang tidak memenuhi syarat-syarat dan format penyampaian penyelidikan yang disediakan oleh penganjur pertandingan akan ditolak.
- 3.12 Anugerah guru pembimbing terbaik dinilai dari segi komitmen, usaha dan maklumbalas pelajar. (Kriteria: Semakan bahasa, format, perbincangan, buku log atau rekod).
- 3.13 Sumber rujukan daripada buku, suratkhobar, jurnal, pemberi maklumat, laman sesawang, gambar dan sebagainya hendaklah disertakan bersama laporan.
- 3.14 Laporan dan dokumen berkaitan kajian akan menjadi hak milik penganjur untuk penghasilan dan pemeliharaan bahan rujukan di masa akan datang.
- 3.15 Keputusan Hakim adalah muktamad.

#### **4. PEMBENTANGAN HASIL KAJIAN**

- 4.1 Setiap kumpulan dikehendaki membentangkan hasil kajian kumpulan di hadapan barisan panel juri.
- 4.2 Tempoh pembentangan hasil kajian kumpulan ialah selama 12 minit (2 minit persiapan / montaj, 10 minit pembentangan ).
- 4.3 Gaya pembentangan adalah bebas dan mengikut kreativiti kumpulan masing-masing.

- 4.4 Markah untuk pembentangan hasil kajian juga akan diambil kira oleh barisan panel juri. (30% daripada markah keseluruhan pembentangan akan diambil untuk markah keseluruhan)
- 4.5 Pihak penganjur hanya menyediakan satu (1) komputer riba / laptop dan projektor sahaja semasa sesi pembentangan. Lain-lain keperluan seperti susun atur di atas pentas hendaklah disediakan oleh peserta sendiri dan maklumkan kepada pegawai bertugas.
- 4.6 Tentatif tarikh pembentangan hasil kajian adalah seperti dalam kalendar pelaksanaan pertandingan.

## **5. PAMERAN DAN PERTANDINGAN POSTER HASIL KAJIAN KUMPULAN**

- 5.1 Setiap kumpulan dikehendaki menyediakan poster bagi tajuk kajian kumpulan masing-masing.
- 5.2 Pemenang tempat pertama hingga ketiga dalam kategori ini akan diumumkan semasa majlis penyampaian sijil dan hadiah PWBT 2019.
- 5.3 Poster hasil kajian setiap kumpulan hendaklah dalam bentuk banting yang berukuran 3 kaki x 6 kaki.
- 5.4 Poster ini nanti hendaklah dipamerkan sepanjang hari pembentangan hasil kajian kumpulan di lobi, Pustaka Negeri Sarawak, Miri bagi memberi pendedahan dan makluman kepada orang ramai mengenai tajuk hasil kajian peserta PWBT 2019.
- 5.5 Sesi penilaian poster hasil kajian kumpulan akan dilakukan pada hari pembentangan.

## TEMA PENYELIDIKAN 2019

Tema penyelidikan bagi Pertandingan Warisan Budaya Tempatan Antara Sekolah-Sekolah Menengah Di Wilayah Utara Sarawak 2019 adalah seperti berikut :

## SEJARAH ASAL USUL PENEMPATAN AWAL DI WILAYAH UTARA SARAWAK

### KRITERIA PEMARKAHAN / PENILAIAN

Markah setiap kumpulan akan dinilai daripada kedua-dua bahagian berikut :

#### 1. LAPORAN KAJIAN PENYELIDIKAN :

No.	Kriteria	Markah
1.	Kehadiran semasa sesi taklimat dan bengkel	5%
2.	Komitmen, Kerjasama dan Carta Perbatuan	5%
3.	Kreativiti, keaslian dan kekemasan hasil kerja	5%
4.	Laporan Kajian	
	i. Pendahuluan	10%
	ii. Latar Belakang Mengenai Kajian/Maklumat Mengenai Topik	10%
	iii. Isi / Penyelidikan	30%
	vi. Rumusan	
	a. Kesan / Impak Penyelidikan	15%
	b. Saranan / Cadangan Mengenai Penyelidikan	10%
	vii. Penutup : Harapan dan Ucapan Penghargaan	5%
5.	Rujukan/Bibliografi	5%
	<b>Jumlah keseluruhan :</b>	<b>100%</b>



## 2. PERSEMBAHAN / PEMBENTANGAN KUMPULAN

No	Kriteria	Markah
1.	Slaid Pembentangan (isi kandungan, susunan/tertib, Kesesuaian)	25%
2.	Penyampaian (keyakinan, bahasa badan, nada suara)	25%
3.	Kreativiti (penampilan, aturan atas pentas, penggunaan prop,demontrasi)	15%
4.	Disiplin dan Kerjasama (ketepatan masa, koordinasi pembentangan)	15%
5..	Bahasa Penyampaian (tidak mencampur adukkan bahasa, kelancaran, bersesuaian)	10%
<b>Jumlah keseluruhan :</b>		<b>100%</b>

70% daripada markah keseluruhan buku laporan kajian kumpulan akan dicampur dengan 30% daripada markah keseluruhan pembentangan kumpulan. Kumpulan yang memperolehi markah tertinggi akan diumumkan sebagai pemenang.

## 3. POSTER HASIL KAJIAN KUMPULAN

No.	Kriteria	Markah
1.	<b>Keaslian</b> (Poster yang dihasilkan memiliki rekabentuk asli dan disediakan khusus untuk tujuan pertandingan ini. Plagiat atau meniplak secara langsung atau tidak langsung dari segi reka bentuk dan penggunaan templat sedia ada tidak dibenarkan)	20%
2	<b>Kreativiti, Unik dan Impak</b> (Poster memiliki ciri-ciri unik, kreativiti baharu, paparan dan reka bentuk yang menarik serta mampu memberi kesan penghayatan tema kepada pembaca)	45%
3.	<b>Kelestarian Bahasa</b> (Poster mempamerkan penggunaan istilah dan bahasa yang tepat, jelas serta tersusun kemas bagi tujuan menyampaikan mesej dan maksud tema dengan berkesan )	20%
4.	<b>Persembahan dan Ketrampilan</b> (Poster dinilai secara keseluruhan dari segi kandungannya (kreatif / unik / menarik / berinformasi / jelas / asli / rupa bentuk visual / mesej berkesan)	15%
<b>Jumlah keseluruhan :</b>		<b>100%</b>

## HADIAH PEMENANG

### HADIAH PERTANDINGAN ;

Johan : Wang Tunai RM3,000.00 + Piala + Sijil Penyertaan + Sijil Kemenangan  
Naib Johan : Wang Tunai RM2,000.00 + Piala + Sijil Penyertaan + Sijil Kemenangan  
Ketiga : Wang Tunai RM1,000.00 + Piala + Sijil Penyertaan + Sijil Kemenangan  
Saguhati : Wang Tunai RM300.00 + Piala + Sijil Penyertaan ( 7 Kumpulan )

Anugerah Guru Pembimbing Terbaik : Wang Tunai RM500.00 + Sijil

Anugerah Persembahan Terbaik : Wang Tunai RM500.00 + Sijil

Kumpulan yang tidak berjaya tersenarai di dalam 10 kumpulan terbaik akan menerima wang saguhati sebanyak RM100.00, Cendermata dan Sijil Penyertaan daripada pihak penganjur.

### HADIAH PEMENANG POSTER HASIL KAJIAN KUMPULAN :

Johan : Wang Tunai RM500.00 + Piala + Sijil

Naib Johan : Wang Tunai RM300.00 + Piala + Sijil

Ketiga : Wang Tunai RM200.00 + Piala + Sijil

## FORMAT LAPORAN AKHIR KAJIAN PENYELIDIKAN

Kandungan utama laporan adalah seperti berikut :

### 3.1 Kulit Muka Hadapan.

Kulit Muka Hadapan hendaklah mengandungi :

3.1.1 Nama Pertandingan

3.1.2 Logo dan Nama Sekolah

3.1.3 Tajuk Penuh Laporan

3.1.4 Nama Kumpulan

3.1.5 Nama Penganjur : Pustaka Negeri Sarawak, Miri

Contoh adalah seperti di bawah :

PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN ANTARA  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI WILAYAH UTARA SARAWAK 2019



SMK KIDURONG, BINTULU  
97000, BINTULU, SARAWAK

### TAJUK KAJIAN

OLEH:

NAMA KUMPULAN

ANJURAN:

PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI

dengan kerjasama

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

### 3.2 **Maklumat Ahli Kumpulan.**

Maklumat ahli kumpulan dan guru pembimbing hendaklah disertakan seperti butiran berikut:

- 3.2.1 Nama penuh mengikut kad pengenalan
- 3.2.2 Nombor kad pengenalan
- 3.2.3 Nombor telefon bimbit dan sekolah
- 3.2.4 Alamat Emel
- 3.2.5 Nama dan alamat sekolah
- 3.2.6 Gambar berukuran pasport

### 3.3 **Penghargaan.**

Contoh penghargaan adalah seperti berikut :

**PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Temenggong Elizabeth Deng  
(Ketua Masyarakat Kaum Kayan Bahagian Miri)

Ketua Kampung Pn. Lucia Paya

Pengetua, SMK Kidurong, Bintulu

dan semua yang telah memberi kerjasama dan sokongan di dalam menjayakan penyelidikan ini.

### 3.4 **Isi Kandungan**

Nyatakan isi kandungan laporan dan muka surat.

### 3.5 **Hasil Laporan Kajian**

Kandungan untuk laporan kajian adalah seperti yang dikehendaki dalam kriteria penilaian pemarkahan.

### 3.6 **Lampiran**

Dokumen sokongan hendaklah dilampirkan di bahagian belakang laporan.

### KAEDAH PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- Perjumpaan dengan ahli kumpulan, mendapatkan maklumat, perkembangan terkini menerusi guru pembimbing dan buku log pelaksanaan kajian (BLPK).

### TENTATIF JADUAL PELAKSANAAN PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN 2019

NO.	AKTIVITI/PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Kertas Kerja PWBT antara sekolah-sekolah menengah wilayah utara Sarawak 2019	Disember 2018	Pustaka Neg. Sarawak, Miri
2	Surat Jemputan Penganjuran Bersama	Disember 2018	Pustaka Neg. Sarawak, Miri
3	Promosi : Banner, Brosur, Socmed	Januari 2019	Pustaka Neg. Sarawak, Miri
4	Jemputan Penyertaan Ke Sekolah Menengah di wilayah utara Sarawak	Januari 2019	Pustaka Neg. Sarawak, Miri
5	Surat Lantikan Panel Juri PWBT 2019	Mac 2019	Pustaka Neg. Sarawak, Miri
6	Tarikh Tutup Penyertaan PWBT 2019	15 Februari 2019	Pustaka Neg. Sarawak, Miri
7	Taklimat & Bengkel PWBT : Limbang	25 – 27 Februari 2019	PKG, Limbang
8	Taklimat & Bengkel PWBT : Lawas	25 – 27 Februari 2019	TBA
9	Taklimat & Bengkel PWBT : Marudi	11 – 13 Mac 2019	Perpustakaan Awam Marudi
10	Taklimat & Bengkel PWBT : Bintulu	11 – 13 Mac 2019	TBA
11	Taklimat & Bengkel PWBT : Tatau	11 – 13 Mac 2019	TBA
12	Taklimat & Bengkel PWBT : Miri	19 – 21 Mac 2019	Pustaka Neg. Sarawak, Miri
13	Taklimat & Bengkel PWBT : Subis	19 – 21 Mac 2019	PKG, Subis
14	Tarikh Akhir hantar laporan kajian	31 Julai 2019	Pustaka Neg. Sarawak, Miri
15	Mesyuarat AJK PWBT 2019	Ogos 2019	Pustaka Neg. Sarawak, Miri
16	Mesyuarat Bersama panel Juri PWBT 2019	Ogos 2019	Pustaka Neg. Sarawak, Miri
17	Penilaian laporan kajian peserta PWBT 2019	Ogos – September 2019	Pustaka Neg. Sarawak, Miri
18	Taklimat & Reheasel Pembentangan PWBT 2019	3 September 2019	Pustaka Neg. Sarawak, Miri
19	Hari Pembentangan Hasil kajian PWBT 2019	4 & 5 September 2019	Pustaka Neg. Sarawak, Miri
20	Mesyuarat Keputusan PWBT 2019	5 September 2019	Pustaka Neg. Sarawak, Miri
21	Majlis Penyampaian Hadiah PWBT 2018	6 September 2019	Pustaka Neg. Sarawak, Miri

## PEGAWAI SERANTA

Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di alamat berikut :

### **Pustaka Negeri Sarawak, Miri**

Jalan Kipas, Miri City Fan, 98000 Miri, Sarawak

Tel : 085 422525 Faks : 085 414444

Atau hubungi pegawai seranta kami :

- |                         |                                  |  |
|-------------------------|----------------------------------|--|
| 1 Pn. Lilian Baun Pulo  | ☎ 085-422525 (221) / 013-8395548 | ✉ <a href="mailto:lilianbp@sarawak.gov.my">lilianbp@sarawak.gov.my</a> |
| 2 En. Mohd. Khadzrie    | ☎ 085-422525 (307)               | ✉ <a href="mailto:khadzrf@sarawak.gov.my">khadzrf@sarawak.gov.my</a>   |
| 3 En. Abdul Aziz Kassim | ☎ 085-422525                     | ✉ <a href="mailto:abdulak@sarawak.gov.my">abdulak@sarawak.gov.my</a>   |
| 4 Pn. Zuwahir Ilias     | ☎ 085-422525                     | ✉ <a href="mailto:zuwahiri@sarawak.gov.my">zuwahiri@sarawak.gov.my</a> |



**BORANG PENYERTAAN  
PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN ANTARA  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI WILAYAH UTARA SARAWAK 2019  
ANJURAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI**

NAMA SEKOLAH : .....

ALAMAT SEKOLAH : .....  
.....  
.....

NOMBOR TELEFON : ..... NO. FAX : .....

ALAMAT EMEL : .....

NAMA KUMPULAN : .....

TAJUK PENYELIDIKAN : .....  
( Boleh dimaklumkan kemudian ) .....

GURU PEMBIMBING : .....

NO. KAD PENGENALAN : ..... NO. TEL : .....

NAMA AHLI KUMPULAN :

1. .... NO. KP : .....

2. .... NO. KP : .....

3. .... NO. KP : .....

4. .... NO. KP : .....

**PENGESAHAN / PENGAKUAN PIHAK SEKOLAH**

Adalah dengan ini saya memberi kebenaran kepada guru dan pelajar sekolah saya (seperti pada borang penyertaan) untuk menyertai pertandingan ini dan seterusnya memberi pelepasan kepada mereka untuk menyertai program dan bengkel yang telah dijadualkan oleh pihak penganjur.

TANDATANGAN PENGETUA : .....  
NAMA : .....  
JAWATAN : .....  
TARIKH : .....



---

Sila kembalikan borang yang telah ditandatangani melalui talian faksimili atau serahan tangan pada atau sebelum **Jumaat, 15 Februari 2019** kepada : **Pustaka Negeri Sarawak, Miri**, Jalan Kipas, Miri City Fan, 98000 Miri, Sarawak. (U.P : Pn. Lilian Baun Pulo / En. Abdul Aziz Kassim/Pn. Zuwahir Ilias).

Telefon : 085 – 422525

Faks : 085 - 414444